

Inovasi Mosaica Kit Sebagai Terapi Seni Pelajar Masalah Pembelajaran

Aini Nurrasyidah Binti Md Zokhi¹, Muhammad Iskandar Bin Abu Thohib², Saripah Binti Kasim³

^{1,2}Program Teknologi Pembinaan Bangunan, Kolej Komuniti Jelevu

³Program Teknologi Pemprosesan Makanan, Kolej Komuniti Jelevu

*Corresponding author's email: aini@kkjel.edu.my¹,

Abstrak: Mosaica Kit merupakan satu kit terapi seni bagi pelajar berkeperluan khas terutamanya bagi masalah pembelajaran. Terapi seni merupakan salah satu terapi di mana pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dapat menzahirkan perasaan dan emosi melalui aktiviti seni visual. Sehubungan dengan itu, satu kit terapi seni iaitu Mosaica Kit dibangunkan untuk memenuhi salah satu keperluan terapi bagi para pelajar. Mosaica Kit ini merupakan satu kit lengkap yang terdiri daripada mozek pelbagai warna, gypsum, acuan dan juga gambar tema. Kit ini juga dilengkapi dengan video penggunaan Mosaica Kit bagi membantu pelajar semasa proses penggunaan kit ini selain memenuhi saranan revolusi industri 4.0. Penggunaan Mosaica Kit ini dapat membantu meningkatkan penggunaan motor halus, menguatkan daya imaginasi dan ingatan serta membolehkan pelajar berkeperluan khas mengekspresasikan kreativiti selain meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Hasil dapatan kajian yang dijalankan membuktikan bahawa Mosaica Kit ini mampu meningkatkan penggunaan motor halus, emosi dan tingkah laku serta meningkatkan tahap tumpuan pelajar. Ini kerana Mosaica Kit ini dibangunkan dengan melibatkan beberapa aktiviti seperti mengenalpasti, mengasingkan, menyenaraikan bahan yang digunakan serta melaksanakan secara berulang sehingga boleh mengingat langkah dengan baik. Dengan adanya Mosaica Kit ini diharap dapat membantu para pendidik, pelajar dan juga komuniti dalam memastikan setiap terapi yang dijalankan mencapai objektif dan memberikan impak yang berkesan kepada semua.

Keywords: *Mosaica Kit, terapi seni, masalah pembelajaran*

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan hak asasi yang perlu dinikmati oleh setiap individu tanpa mengira latar belakang atau keupayaan fizikal dan mental. Dalam konteks pendidikan inklusif, pelajar berkeperluan khas juga wajar diberikan peluang yang sama untuk berkembang secara menyeluruh dari aspek kognitif, emosi, sosial dan psikomotor. Pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran tidak harus dipinggirkan daripada arus pendidikan perdana kerana terdapat dalam kalangan mereka yang memiliki potensi besar untuk berjaya sekiranya diberikan sokongan dan pendekatan pengajaran yang sesuai (Ali & Zawawi, 2018).

Sebagai respons terhadap keperluan ini, pendekatan terapeutik seperti terapi seni semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan khas. Terapi seni bukan sahaja berfungsi sebagai medium ekspresi diri bagi pelajar yang sukar berkomunikasi secara verbal, malah mampu membantu dalam pembangunan kemahiran motor, emosi dan sosial mereka (Anderson, 2022; Rashikj Canevska & Akgun, 2021). Kegiatan seni seperti mewarna, melukis, dan aktiviti manipulatif lain telah terbukti membantu pelajar berkeperluan khas mengurangkan tekanan emosi, menstabilkan tingkah laku serta meningkatkan keupayaan fokus dan imaginasi (Sutarjo, 2023; Pradipta & Dewantoro, 2019).

Namun begitu, antara cabaran utama dalam pembelajaran pelajar berkeperluan khas ialah masalah deria seperti kepekaan terhadap sentuhan, gangguan tumpuan, kurang daya imaginasi dan kreativiti serta tahap keyakinan diri yang rendah (Kohli et al., 2018). Oleh itu, penghasilan bahan bantu mengajar yang bersifat manipulatif dan interaktif sangat diperlukan untuk merangsang minat dan penglibatan aktif pelajar dalam bilik darjah. Berdasarkan keperluan ini, satu kit intervensi inovatif telah

dibangunkan, dikenali sebagai Mosaica Kit, yang direka khusus untuk memenuhi keperluan terapi pelajar pendidikan khas melalui pendekatan seni visual.

Mosaica Kit terdiri daripada komponen seperti mozek pelbagai warna, acuan, kapur putih serta imej bertema yang mesra pengguna. Kit ini turut disertakan dengan panduan video, selaras dengan hasrat memperkasakan elemen teknologi dalam pembelajaran abad ke-21. Kit ini dibangunkan dengan matlamat untuk membantu pelajar mengenal dan membezakan warna, memperkukuh kemahiran motor halus, membina daya tumpuan dan ingatan serta meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah secara sendiri. Kajian oleh Musa dan Ahmad (2019) menunjukkan bahawa aktiviti berstruktur yang menggalakkan pergerakan jari dan pengulangan tugas dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan motor halus serta kemahiran kognitif pelajar bermasalah pembelajaran.

Menerusi pengintegrasian elemen seni dalam bentuk kit terapi ini, pelajar bukan sahaja dapat mengekspresikan emosi dan kreativiti mereka secara simbolik, malah turut berpeluang untuk membina keyakinan diri serta berinteraksi dalam suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan menyokong. Maka, pembangunan Mosaica Kit ini diharap dapat menyumbang kepada kepelbagaian strategi pengajaran dalam pendidikan khas, serta menjadi alat intervensi alternatif yang holistik dan praktikal.

1.1 Pernyataan Masalah

Pelajar berkeperluan khas sering berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan proses pembelajaran mereka secara menyeluruh. Antaranya ialah isu berkaitan deria, tumpuan, kreativiti, dan keyakinan diri. Kekangan ini menjadi asas penting dalam pembangunan Mosaica Kit sebagai satu alat intervensi yang dirancang untuk memenuhi keperluan khusus pelajar ini.

Pertama, masalah pemprosesan deria, terutama deria rasa dan sentuhan, merupakan cabaran utama bagi pelajar berkeperluan khas (Kerajaan Malaysia, 2008). Masalah deria ini menyebabkan mereka mudah berasa kurang selesa dan terganggu ketika berinteraksi dengan bahan pembelajaran konvensional. Kajian Salih dan Çamlıyer (2019) menegaskan bahawa aktiviti yang melibatkan stimulasi deria, terutamanya yang berasaskan terapi carakerja dan seni, dapat membantu meningkatkan keseimbangan sensori serta memberi pengalaman pembelajaran yang lebih inklusif dan efektif. Oleh itu, Mosaica Kit direka dengan elemen-elemen manipulatif yang dapat merangsang deria sentuhan secara terkawal, sekaligus memudahkan proses pembelajaran.

Selain itu, gangguan tumpuan merupakan satu lagi cabaran kritikal yang dihadapi oleh pelajar ini. Yusuf et al. (2019) menekankan pentingnya kaedah pembelajaran melalui bermain yang berupaya mengekalkan tumpuan murid dengan menggabungkan elemen interaktif dan kreatif. Aktiviti manipulatif dalam Mosaica Kit berpotensi untuk meningkatkan fokus pelajar dengan mengurangkan kebosanan serta memperkukuh daya tumpuan menerusi rangsangan visual dan sentuhan. Hal ini sejajar dengan dapatan Yusoff (2022) yang menunjukkan modul berasaskan seni seperti origami membantu meningkatkan penguasaan kemahiran belajar melalui proses hands-on.

Kekurangan daya imaginasi dan kreativiti juga sering membataskan potensi pelajar berkeperluan khas. Terapi seni, menurut Anderson (2022) dan Rashikj Canevska dan Akgün (2021), menawarkan ruang ekspresi yang luas untuk mengembangkan kreativiti dan membina keyakinan diri pelajar, tanpa bergantung sepenuhnya kepada kemahiran verbal. Penglibatan aktif dalam aktiviti seni dapat membangunkan daya imaginasi secara berperingkat, sekaligus menyokong pembelajaran kognitif yang lebih efektif (Jesionkowska et al., 2020). Maka, elemen seni dalam Mosaica Kit bukan sahaja

mengasah kemahiran motor halus, tetapi juga merangsang kreativiti yang kritikal untuk pembangunan holistik murid.

Akhir sekali, kurangnya keyakinan dalam menyelesaikan masalah menjadi halangan utama dalam pembangunan sendiri pelajar bermasalah pembelajaran (Husin et al., 2020). Pelaksanaan tugas seni terapeutik terbukti dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi pelajar (Shahuddin et al., 2021), manakala intervensi berasaskan manipulatif mampu membina kemahiran berfikir kritis secara tidak langsung. Dengan memberikan pengalaman pembelajaran yang berstruktur dan menyeronokkan, Mosaica Kit bertujuan untuk memperkukuh keyakinan diri pelajar dalam menyelesaikan tugas, sekaligus meningkatkan pencapaian akademik dan sosial mereka.

Kesimpulannya, Mosaica Kit dibangunkan sebagai satu solusi inovatif yang berasaskan keperluan sebenar pelajar berkeperluan khas. Dengan menyasarkan cabaran deria, tumpuan, kreativiti, dan keyakinan, kit ini memanfaatkan pendekatan intervensi seni dan manipulatif yang terbukti efektif dalam menyokong pembelajaran inklusif. Sokongan daripada pelbagai kajian membuktikan keberkesanan kaedah sebegini dalam memperbaiki kualiti pendidikan khas secara menyeluruh.

1.2 *Objektif Penghasilan Mosaica Kit*

Mosaica Kit dibangunkan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Lantaran itu, Mosaica Kit dibangunkan bertujuan untuk menjadi satu kit terapi seni bagi memenuhi salah satu keperluan terapi bagi pelajar berkeperluan khas terutamanya pelajar masalah pembelajaran.

1.3 *Ciri-Ciri Inovasi Mosaica Kit*

Penghasilan dan pembangunan Mosaica Kit adalah untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan terutamanya sebagai salah satu alat terapi seni kepada pelajar berkeperluan khas terutamanya masalah pembelajaran. Justeru, penghasilan dan pembangunan Mosaica Kit mempunyai ciri-ciri seperti berikut;

- i. selamat untuk digunakan
- ii. mesra pengguna
- iii. kos yang rendah
- iv. proses pengulangan
- v. mudah untuk digunakan
- vi. menerapkan aplikasi IR4.0

2.0 TERAPI SENI TERHADAP PELAJAR MASALAH PEMBELAJARAN

Perkembangan pendidikan khas di Malaysia digariskan secara rasmi menerusi penggubalan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), yang menyediakan asas undang-undang bagi pemerkasaan hak dan peluang pendidikan untuk individu berkeperluan khas (Kerajaan Malaysia, 2008). Seiring dengan transformasi sistem pendidikan ke arah lebih inklusif, pelbagai penyelidikan telah dijalankan untuk meneroka pendekatan pedagogi dan intervensi yang mampu menyokong pembelajaran murid berkeperluan khas secara menyeluruh. Antara pendekatan yang terbukti efektif termasuk penggunaan terapi seni dan aktiviti manipulatif. Yusoff (2022) serta Pradipta dan Dewantoro (2019) mendapati bahawa aktiviti terapi seni

bukan sahaja memperbaiki kemahiran motor halus murid berkeperluan khas tetapi juga memberi kesan positif terhadap tumpuan dan daya pemikiran kreatif. Kajian oleh Anderson (2022), Sutarjo (2023), dan Rashikj Canevska dan Akgün (2021) turut menyokong keberkesanan terapi seni dalam membantu murid mengekspresikan emosi secara sihat serta membina keyakinan diri. Tambahan pula, Shahuddin et al. (2021) melaporkan bahawa aktiviti terapi seni di sekolah rendah berjaya meningkatkan keterlibatan dan kesediaan murid untuk belajar dalam suasana yang lebih terbuka.

Terapi seni semakin mendapat tempat sebagai satu pendekatan intervensi alternatif dalam pendidikan khas, khususnya bagi pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran (*learning disabilities*). Menurut Anderson (2022), terapi seni menyediakan ruang ekspresif yang selamat dan tidak menghakimi, di mana pelajar berkeperluan khas dapat meluahkan emosi secara simbolik, tanpa bergantung sepenuhnya kepada komunikasi verbal yang sering menjadi kekangan utama mereka. Pelaksanaan terapi seni bukan sahaja membantu dari segi aspek emosi dan tingkah laku, malah turut memberi kesan positif terhadap perkembangan kemahiran motor halus pelajar. Kajian oleh Sutarjo (2023) menunjukkan bahawa aktiviti melukis dalam kalangan kanak-kanak autisme mampu mempertingkatkan fokus, koordinasi mata dan tangan serta merangsang daya imaginasi yang menjadi asas kepada pembelajaran yang lebih berkesan. Ini disokong oleh Pradipta dan Dewantoro (2019) yang mendapati bahawa aktiviti origami membantu pelajar berkeperluan khas untuk menguatkan kemahiran motor halus, di samping membina daya tumpuan dan keyakinan diri. Dalam konteks tempatan, Shahuddin et al. (2021) mendapati bahawa pelaksanaan tugas seni terapeutik di sekolah rendah bukan sahaja berjaya meningkatkan keyakinan diri pelajar, malah membina interaksi sosial yang lebih sihat antara rakan sebaya. Ini penting kerana pelajar dengan masalah pembelajaran sering kali berdepan cabaran dalam kemahiran sosial dan menyesuaikan diri dalam persekitaran bilik darjah.

Dari sudut perkembangan kognitif pula, terapi seni berupaya merangsang aktiviti otak kanan yang berkait rapat dengan kreativiti, visualisasi dan keupayaan menyelesaikan masalah. Sumbangan terapi seni dalam aspek ini memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara lebih fleksibel dan tidak bergantung kepada kaedah konvensional yang bersifat linear dan berpusatkan guru semata-mata (Salih & Çamlıyer, 2019; Jesionkowska et al., 2020). Selain itu, pelajar juga menunjukkan peningkatan dalam keupayaan menulis dan manipulasi alat tulis selepas mengikuti sesi intervensi berasaskan seni. Bagi pelajar yang mengalami kesukaran dalam pengawalan emosi, terapi seni berfungsi sebagai alat pengurusan stres yang efektif. Satu kajian oleh Suhanjoyo dan Sondang (2022) menunjukkan bahawa sesi terapi seni secara konsisten membantu pelajar autisme untuk mengawal tantrum, mengurangkan kecelaruan tingkah laku, dan menstabilkan emosi mereka dalam jangka panjang.

Secara keseluruhan, pelaksanaan terapi seni bukan sahaja memperkaya pendekatan pengajaran dalam bilik darjah pendidikan khas, tetapi juga berperanan sebagai medium pemulihan (*rehabilitation*) yang menyeluruh. Ia memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan sendiri pelajar, terutama dalam aspek keyakinan, keterampilan sosial, kemahiran motor, dan kestabilan emosi. Oleh yang demikian, integrasi terapi seni dalam kurikulum pendidikan khas wajar diperkasakan melalui latihan tenaga pengajar, penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai, serta sokongan dasar dari pihak berkepentingan seperti

Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan institusi perguruan di Malaysia.

3.0 METODOLOGI PENULISAN

Penulisan ini dihasilkan melalui kaedah sorotan kajian dan penghasilan produk. Pembacaan dilakukan berkisar kepada kaedah terapi seni yang digunakan ke atas pelajar bekeperluan khas. Kaedah penghasilan produk inovasi ini melibatkan beberapa fasa seperti berikut:

- a) Fasa Analisa
Bagi menghasilkan produk yang memenuhi objektif, beberapa analisa dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi dan cara penyelesaian yang bersesuaian. Tujuan fasa analisa ini dijalankan bagi memastikan rekabentuk terapi yang sesuai dihasilkan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- b) Fasa Rekabentuk
Fasa rekabentuk adalah fasa kedua yang diambil dalam penghasilan produk. Rekabentuk Mosaica Kit diadaptasi dan ditambahbaik daripada pelbagai jenis terapi seni yang terdapat dipasaran. Terdapat 2 jenis rekabentuk gambar tema telah dibuat sebagai terapi seni yang terdapat dalam Mosaica Kit iaitu gambar tema A dan B seperti dalam Jadual 3.1 dibawah.

Jadual 3.1 : Corak yang terdapat dalam Mosaica Kit

Jenis Corak	Corak A	Corak B
Gambar tema		

- c) Fasa Pembangunan
Di dalam fasa pembangunan ini, ke semua bahan yang diperlukan seperti yang telah dirangka di dalam fasa rekabentuk akan dibangunkan. Mosaica Kit dihasilkan dengan lengkap dalam satu kit yang mengandungi i) corak gambar tema, ii) bahan-bahan penghasilan seperti mozek, gam, kapur dan span, iii) acuan dan iv) video prosedur dan

tatacara penggunaan. Mosaica Kit ini boleh digunakan di pelbagai lokasi mengikut kesesuaian. Rajah 3.1 menunjukkan Mosaica Kit yang telah siap dibangunkan.



Rajah 3.1: Mosaica Kit

d) Fasa Perlaksanaan

Bagi memastikan penghasilan produk mencapai objektif yang telah ditetapkan, fasa peraksanaan dijalankan dimana hasil yang dibangunkan akan diuji. Pengujian dijalankan sebelum dan selepas penggunaan Mosaica Kit. Rajah 3.2 menunjukkan penggunaan Mosaica Kit bersama pelajar-pelajar berkeperluan khas (masalah pembelajaran).



Rajah 3.2: Penggunaan Mosaica Kit sebagai Terapi Seni

e) Fasa Penilaian

Fasa penilaian ini dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan penggunaan Mosaica Kit. Penilaian dilakukan ke atas pelajar keperluan khas (masalah pembelajaran) selepas sesi pelaksanaan dijalankan. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian kes dimana ianya dijalankan di Kolej Komuniti Jelebu yang melibatkan seramai 11 orang responden yang terdiri daripada pelajar Sijil Asas Pemprosesan Makanan Sesi I 2024/2025. Pemilihan rekabentuk kajian kes ini kerana ianya akan memberi maklumat yang lebih tertumpu dan mendalam pada masa yang tertentu. Kajian kes adalah merupakan satu strategi reka bentuk kajian yang paling berkesan untuk memahami hal-hal yang sebenar, realiti sosial dan persepsi yang wujud tanpa diganggu oleh pengukuran formal atau soalan-soalan yang ditentukan terlebih awal seperti yang dinyatakan oleh Guba & Lincoln (1989) dan Creswell (2007).


Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dengan menggunakan ke semua pelajar Sijil Asas Pemprosesan Makanan, Kolej Komuniti Jelebu. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual tidak berstruktur kepada pensyarah yang mengajar pelajar Sijil Asas Pemprosesan Makanan semasa penggunaan Mosaica Kit dijalankan. Instrumen ini digunakan bagi mendapatkan data kebolehlaksanaan penggunaan Mosaica Kit kepada pelajar. Terdapat 3 elemen penilaian yang digunakan semasa sesi pemerhatian dijalankan iaitu, penilaian motor halus, penilaian emosi dan tingkah laku semasa aktiviti dan juga akhir sekali penilaian tahap tumpuan.

4.0 DAPATAN DAN ANALISA DATA

Hasil dapatan menunjukkan hasil daripada pemerhatian yang telah dijalankan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Menurut pensyarah yang mengajar pelajar ini, aktiviti terapi seni ini bertujuan bagi membina keyakinan, kreativiti dan kemahiran mengadaptasi daripada gambar yang telah diberikan. Selain itu, terapi seni ini juga membolehkan pensyarah menilai sejauh mana sensitiviti pelajar dalam kehidupan seharian. Pensyarah beranggapan dengan adanya terapi seni ini boleh menggalakkan perkembangan mental, fizikal dan estetik pelajar keperluan khas terutamanya dengan masalah pembelajaran. Secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan melibatkan penglibatan pelajar secara aktif semasa menjalankan aktiviti seni menggunakan Mosaica Kit. Namun demikian, aktiviti terapi seni yang dijalankan ini dapat memberi petunjuk sejauh mana pemikiran pelajar ini dalam memahami situasi dan tema yang diberikan.

Penilaian pertama adalah melibatkan kemahiran motor halus pelajar seperti pengendalian alat yang digunakan, mengenalpasti dan mengasingkan mozek serta menyiapkan tugas yang terdapat dalam Mosaica Kit. Hasil dapatan bagi penilaian ini dapat dilihat melalui Rajah 4.1 dibawah. Skor penilaian menunjukkan kesemua pelajar mampu melaksanakan aktiviti dengan baik. Skor tertinggi diperolehi oleh P6 iaitu 96.67% di ikuti oleh P5 dan P8 iaitu 93.33%. Ini menunjukkan pelajar dapat memegang alat dan mengasingkan mozek dengan betul. Manakala bagi skor yang rendah pulak dapat dilihat oleh P3 iaitu 66.67% selepas


pemerhatian dilaksanakan. Pelajar ini mungkin memerlukan intervensi motor halus tambahan dengan melaksanakan sesi terapi seni dengan menggunakan Mosaica Kit dengan lebih kerap bagi menangani masalah yang melibatkan motor halus. Dapatan kajian ini selari dengan hasil daripada Noor Syamiza (2022) yang menekankan bahawa pendekatan terapi multisensori mampu meningkatkan keupayaan motor murid bermasalah pembelajaran, khususnya apabila aktiviti dirancang secara berstruktur dan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka secara sentuhan, penglihatan dan pergerakan. Selain itu, sejajar dengan kajian oleh Nurazira dan Tahar (2020), terapi seni berupaya meningkatkan kemahiran motor halus murid berkeperluan khas melalui aktiviti manipulatif yang dirancang secara sistematik. Dapatan kajian kes mereka menyatakan bahawa penggunaan bahan seni yang mudah dikendalikan dan menarik mampu membantu murid mengawal pergerakan jari, fokus visual, serta membina koordinasi tangan-mata secara berkesan. Mosaica Kit yang berasaskan seni mozek juga mengintegrasikan pendekatan serupa, sekali gus terbukti memberi kesan positif terhadap pelajar dalam aspek peningkatan motor halus.



Rajah 4.1: Penilaian Motor Halus


Penilaian kedua pula melibatkan penilaian terhadap emosi dan tingkah laku semasa aktiviti terapi seni menggunakan Mosaica Kit dijalankan. Penilaian ini memfokuskan kepada keterlibatan pelajar dari segi minat, emosi dan interaksi semasa aktiviti terapi seni menggunakan Mosaica Kit dijalankan. Rajah 4.2 menunjukkan peratusan mengikut pelajar terhadap penilaian emosi dan tingkah laku semasa menjalankan aktiviti. P2 dan P6 menunjukkan skor yang paling tinggi iaitu sebanyak 92%, di ikuti oleh P1 dan P8 iaitu sebanyak 88%. Manakala P5 dan P3 masing-masing menunjukkan skor yang rendah iaitu pada 76% dan 68%. Walaubagaimanapun, ianya masih berada di tahap yang baik melepasi 50%. Ini menunjukkan majoriti pelajar menunjukkan keterlibatan yang positif semasa menggunakan Mosaica Kit. Berdasarkan temubual dengan pensyarah, pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran kadang kala mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan

fasilitator dan juga persekitaran yang baharu. Kajian oleh Ida Puteri Mahsan (2021) menegaskan bahawa aktiviti terapi seni bukan sahaja memberi ruang ekspresi sendiri bagi murid berkeperluan khas, tetapi juga berperanan sebagai alat komunikasi alternatif, terutamanya bagi murid yang mempunyai kesukaran komunikasi lisan. Penemuan ini mengukuhkan lagi hasil keberkesanan Mosaica Kit yang menggunakan elemen seni mozek sebagai medium terapi motorik halus dalam kalangan pelajar masalah pembelajaran selain dapat membantu pelajar menzahirkan emosi, meningkatkan interaksi sosial, serta membina keyakinan diri melalui seni mozek.



Rajah 4.2: *Penilaian Emosi dan Tingkah Laku*

Manakala bagi penilaian yang terakhir dalam mencapai objektif yang telah digariskan, tumpuan pelajar juga dinilai semasa sesi pemerhatian dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.3 di bawah. Penilaian ini dijalankan bagi menilai keupayaan pelajar mengekalkan fokus, mengikut arahan dan tidak mudah terganggu. Hasil dapatan menunjukkan majoriti pelajar memberi tumpuan yang baik. P6 dan P7 menunjukkan prestasi yang sangat konsisten dan boleh dijadikan model rakan sebaya dalam membantu pelajar lain dalam melaksanakan aktiviti terapi seni ini. Ini kerana mereka menunjukkan skor tertinggi iaitu 100%, di ikuti dengan P2 iaitu sebanyak 93.33%. Walaubagaimanapun, P10 dan P3 menunjukkan tahap tumpuan yang rendah iaitu 73.33% dan 66.67%. Selari dengan hasil tembual yang dijalankan, pensyarah menyatakan bahawa pelajar berkeperluan khas mudah terganggu semasa menjalankan aktiviti. Hasil dapatan ini juga disokong oleh kajian lepas yang telah dijalankan oleh Ramli et al. (2019) bahawa, aktiviti seni membantu dan menyumbang kepada pengurusan emosi dan perkembangan kognitif yang lebih stabil dalam kalangan pelajar berkeperluan khas.



Rajah 4.2: Penilaian Tahap Tumpuan

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan penilaian yang dijalankan ke atas pelajar semasa aktiviti terapi seni menggunakan Mosaica Kit, didapati bahawa sebahagian besar pelajar menunjukkan perkembangan yang positif dalam aspek kemahiran motor halus, emosi dan tingkah laku, serta tahap tumpuan. Secara keseluruhannya, objektif yang telah digariskan tercapai. P6 dan P2 menunjukkan pencapaian yang cemerlang merentasi semua elemen penilaian, manakala terdapat juga pelajar yang memerlukan pemantauan dan intervensi khusus khasnya P3 dan P4.

Melalui aktiviti menggunakan kit ini, pelajar telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran motor halus, di mana majoriti pelajar dapat memegang alat seni dengan betul, mengasingkan mozek mengikut warna, dan menyiapkan hasil seni tanpa bantuan penuh. Penilaian motor halus menunjukkan bahawa pelajar berkeperluan khas dengan masalah pembelajaran mampu meningkatkan keupayaan mereka apabila diberi peluang melakukan aktiviti terapi seni menggunakan bahan manipulatif seperti mozek dan alat bantu seni.

Dari sudut emosi dan tingkah laku, pelajar menunjukkan minat yang tinggi, berinteraksi secara positif, dan mampu mengekspresikan emosi mereka melalui hasil seni. Ini menunjukkan bahawa kit ini bukan sahaja menyokong pembangunan motorik, tetapi juga berperanan sebagai medium terapi emosi yang selamat dan terkawal dan berfungsi sebagai medium untuk ekspresi diri dan komunikasi sosial. Hasil penggunaan Mosaica Kit dalam aktiviti seni menunjukkan bahawa pelajar berkeperluan khas bukan sahaja meningkatkan kemahiran motor halus, malah dapat menzahirkan emosi dan berinteraksi dengan lebih terbuka melalui hasil kerja mereka. Ini sejajar dengan dapatan oleh Ida Puteri Mahsan (2021) yang menekankan bahawa aktiviti seni visual berupaya menjadi satu bentuk komunikasi alternatif yang efektif bagi murid bermasalah pembelajaran yang menghadapi kekangan dalam ekspresi lisan.

Dalam aspek tumpuan, pelajar berjaya mengekalkan fokus, mengikuti arahan secara berperingkat, dan kurang mudah terganggu, menunjukkan bahawa struktur aktiviti dalam Mosaica Kit membantu mencipta suasana pembelajaran yang tersusun dan menarik. Pelajar seperti P6 dan P7 berjaya menunjukkan tumpuan penuh sepanjang aktiviti, membuktikan bahawa aktiviti seni mampu merangsang daya tumpuan jika direka bentuk secara terancang,

Secara keseluruhannya, Mosaica Kit terbukti sebagai satu intervensi yang holistik, bukan sahaja meningkatkan kemahiran motor halus, tetapi turut menyokong kesejahteraan emosi dan perkembangan tingkah laku yang lebih positif. Maka, Mosaica Kit berpotensi untuk dijadikan salah satu bahan bantu terapi seni yang praktikal, mesra pengguna, dan berkesan untuk kegunaan pengajar dalam pendidikan khas serta ahli terapi dalam sesi intervensi harian.

RUJUKAN

Anderson, M. (2022). Art therapy and self-expression among children with learning disabilities. *Journal of Expressive Therapies*, 10(2), 45–58.

Ali, M. M., & Zawawi, R. (2018). Pendekatan Inklusif dalam Pendidikan Khas di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1–10.

Jesionkowska, J., Wild, F., & Deval, Y. (2020). Active learning augmented reality for STEAM education—A case study. *Education Sciences*, 10(8), 198. <https://doi.org/10.3390/educsci10080198>

Kerajaan Malaysia. (2008). *Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)*. Undang-Undang Malaysia.

Kohli, S., Sharma, N., & Choudhary, R. (2018). Sensory integration challenges in children with special needs. *International Journal of Special Education*, 33(2), 58–65.

Mahsan, I. P. (2021). Ekspresi seni dan komunikasi visual murid berkeperluan khas dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 10(1), 41–54. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK>

Musa, N., & Ahmad, S. (2019). *Kesan aktiviti motor halus terhadap perkembangan kognitif pelajar pendidikan khas bermasalah pembelajaran*. *Jurnal Pendidikan Khas*, 15(1), 22–33.

Noor Syamiza binti Wahid. (2022). *Meningkatkan kemahiran motor kasar murid bermasalah pembelajaran melalui pendekatan terapi multisensori*. Dalam **SEAMEO SEN & Jabatan Pendidikan Negeri Melaka** (Ed.), *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas dan Inklusif (Negeri Melaka)*, Jilid 1 (hlm. 320–329). SEAMEO SEN. ISBN: 978-967-15154-4-0

Nurazira, A. H., & Tahar, M. M. (2020). Fine motor skills through art therapy: A case study. Dalam *Proceedings of the International Conference on Special Education in South East Asia Region 10th Series 2020* (hlm. 129–135). Redwhite Press. <https://doi.org/10.32698/GCS-04295>

Pradipta, R. F., & Dewantoro, D. A. (2019). Origami and fine motoric ability of intellectual disability students. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 5(5), 215–228.

Ramli, M. F., Zalay @ Zali, A. A., Hussin, R., & Basiron, N. (2019). *Pendekatan pendidikan seni visual terhadap terapi kognitif orang kurang upaya*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Design Industries & Creative Culture (Design Decoded 2019), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak, Malaysia. <https://examplelink.com/fullpaper>

Rashikj Canevska, O., & Ramo Akgun, N. (2021). *Implementation of art therapy for children with special educational needs*. Gece Publishing.

Salih, F., & Çamlıyer, H. (2019). The effect of psychomotor activities on the sensory development of children. *Journal of Physical Education and Sport Sciences*, 12(3), 45–53.

Shahuddin, S. A., Khairani, M. Z., & Ibrahim, M. N. (2021). Tugas seni terapeutik dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid di sekolah rendah. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 9(2), 42–51. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.2.4.2021>

Suhanjoyo, S. N., & Sondang, S. (2022). Terapi seni bagi anak autisme. *Patria: Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 2(2), 83–90. <https://doi.org/10.24167/patria.v2i2.2771>

Sutarjo, J. (2023). Painting as a means of art therapy for children–children with autism spectrum disorder (Case study in Kaliwungu Kudus State Extraordinary School). *Jurnal Indonesia Sosial Sains*, 4(2), 97–105. <https://doi.org/10.59141/jiss.v4i02.772>

Yusoff, Y. Y. (2022). Meningkatkan penguasaan kemahiran belajar dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas dengan menggunakan modul origami. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif*, 1(1), 320–329. <https://publication.seameosen.edu.my/index.php/amalanterbaik/article/download/283/287/870>